

09/08/2002

KL-Jakarta sepakat (HL)

Mior Kamarul Shahid

DENPASAR, (Bali), Khamis - Kuala Lumpur dan Jakarta setuju menyelesaikan urusan kemasukan pekerja Indonesia secara sah serta penghantaran pulang mereka yang masuk secara haram ke Malaysia, menerusi semangat persahabatan dua negara jiran.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Sukarnoputri mengakui wujud beberapa masalah membabitkan dua negara jiran itu termasuk isu pekerja Indonesia dan masalah sempadan, tetapi yakin ia boleh diselesaikan secara persahabatan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan tenaga kerja untuk membantu membangunkan negara, tetapi kedatangan mereka perlulah mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan di Malaysia.

"Dalam negara yang mempunyai 22 juta penduduk asal, Malaysia ada dua juta rakyat asing. Ini bermakna 10 peratus daripada penduduk Malaysia yang berjumlah 24 juta adalah pendatang asing.

"Ia bukan membabitkan pekerja Indonesia saja, tetapi juga dari negara lain termasuk Afrika. Bagi mereka yang mempunyai pekerjaan, tidak menjadi banyak masalah. Kita ingin melihat mereka terus bekerja dengan mengikut undang-undang negara," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan demikian pada sidang akhbar bersama Megawati selepas mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden Indonesia itu di Istana Tampaksiring di sini, pada akhir lawatan dua harinya ke pulau peranginan ini.

Beliau menjelaskan, ramai pendatang tanpa izin tidak mempunyai pekerjaan, menyebabkan mereka terbabit dalam kegiatan tidak diingini sehingga menimbulkan rasa kurang senang rakyat tempatan.

Katanya, sebagai pemerintah yang perlu menjaga keselamatan rakyat, kerajaan terpaksa mengurangkan bilangan pendatang tanpa izin dan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

"Kerajaan sudah memberi waktu yang cukup kepada mereka supaya kembali ke tanah air masing-masing. Malangnya, mereka menunggu sehingga saat akhir menyebabkan di sesetengah tempat berlaku kesesakan untuk menaiki bot.

"Dalam kesesakan ini tidak dapat tidak, berlaku kekasaran oleh kakitangan Kerajaan Malaysia. Saya harap ia tidak menjadi sesuatu yang memburukkan hubungan kedua-dua negara," tambahnya.

Malaysia menetapkan 31 Julai lalu sebagai tarikh akhir program pengampunan bagi menghantar pekerja asing yang masuk secara haram. Ini berikutan penguatkuasaan Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) yang mengenakan hukuman penjara dan sebat mandatori kepada pendatang tanpa izin.

Perdana Menteri berkata, beliau mendapat pengakuan daripada pemerintah Indonesia bahawa mereka faham apa yang berlaku dan usaha Malaysia supaya tidak ada kekasaran berlaku pada masa depan.

"Kita harap mereka datang mengikut peraturan yang ditentukan," katanya.

Megawati pula berkata, mereka membincangkan isu pekerja Indonesia di Malaysia dan Dr Mahathir memberikan penjelasan.

Katanya, beliau sudah pun dimaklumkan mengenai jawatankuasa petugas yang ditubuhkan di Kuala Lumpur untuk menangani isu itu dan rumusan mengenainya akan dibuat tidak lama lagi.

Mengenai perdagangan Malaysia-Indonesia, Dr Mahathir berkata buat masa ini ia memberi kelebihan kepada Indonesia.

"Ini tidak menjadi masalah. Apa yang kita ingin lihat ialah peningkatan

perdagangan antara Malaysia dan Indonesia. Kita berpendapat perkembangan dalam bidang ini boleh diadakan dan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak," tambahnya.

Sambil menyifatkan lawatan dan perbincangan dengan Megawati sebagai berhasil, Perdana Menteri berharap ia dapat diteruskan setiap tahun atau bila-bila masa apabila difikirkan perlu tanpa mengira tempat.

Mengenai isu penganas dan cara mengatasinya, Dr Mahathir dan Megawati berkata pendirian kedua-dua negara adalah sama dan akan membuat pendirian ketika menghadapi sidang Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur tahun depan dan Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Terdahulu, kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani lima perjanjian persefahaman membabitkan kepentingan kedua-dua negara iaitu:

- * Kerjasama dalam bidang kemajuan wanita dan pembangunan keluarga;
- * Kerjasama mengenai perkara-perkara Imigresen;
- * Pertamina-Petronas mengenai penyaluran gas dari Indonesia;
- * Majlis Perniagaan Bersama Malaysia-Indonesia; dan
- * Kerjasama antara Lembaga Persahabatan Indonesia Malaysia (Prima) dan Lembaga Persahabatan Malaysia-Indonesia (Permai),

Dr Mahathir, Megawati dan Perdana Menteri Thai, Thaksin Shinawatra turut menyaksikan majlis perjanjian tiga hala membabitkan ketiga-tiga negara dalam usaha menstabilkan harga getah.

Malaysia diwakili Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik. Ketiga-tiga negara akan menubuhkan konsortium dengan modal AS\$225 juta bagi mengawal harga getah.